

Received	9 February 2024	Accepted	11 February 2024
Revised	10 March 2024	Published	1 June 2024
Volume	4, June 2024	Pages	39-50
http://doi.org/			
To cite: Nur Zufhika Zamzuri Arif & Hakim Zainal. 2024. Kaedah terjemahan maf'ul mutlaq dalam kitab <i>Muntakhab Ahadith</i> ke dalam bahasa Melayu. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 4 (June 2024):39-50. DOI: http://doi.org/			

Kaedah Terjemahan Maf'ul Mutlaq dalam Kitab *Muntakhab Ahadith* ke dalam Bahasa Melayu

The Method of Translating Maf'ul Mutlaq
in the Book *Muntakhab Ahadith* into Malay

Nur Zufhika Zamzuri Arif¹ & Hakim Zainal²

Abstrak

Maf'ul mutlaq disebut sebagai pelengkap untuk menegaskan dan menjelaskan 'amilnya dalam ilmu nahu. Namun, masih ramai pelajar Melayu khususnya yang mempelajari bahasa Arab selain pelajar Arab itu sendiri tidak dapat menguasai dan memahami *maf'ul mutlaq* dalam bahasa Melayu. Maka, analisis kaedah terjemahan *maf'ul mutlaq* ke dalam bahasa Melayu menjadi objektif kajian ini. Sebagai tambahan kepada pendekatan kajian perpustakaan, kaedah kualitatif dan pensampelan bertujuan digunakan. Sumber utama ialah kitab *Muntakhab Ahadith* daripada bab 1 hingga bab 3, manakala sumber sekunder pula ialah artikel, buku-buku dan sumber lain yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa kaedah terjemahan *maf'ul mutlaq* ke dalam bahasa Melayu cenderung menggunakan pengikat kata “dengan” bagi *maf'ul mutlaq* jenis penegasan dan penjelasan bentuk kata kerja. Manakala, terjemahan maf'ul mutlaq jenis penjelasan bilangan pula adalah berdasarkan penggunaan masdar *marrah* atas wazan فَعْلَةٌ. Majoriti terjemahan pula adalah secara *harfiyah* mengikut teori Vinay dan Darbelnet (2008) di samping teori Nida (1964), Roman Jakobson (1966), dan Nababan (2007). Dapatan turut membahaskan 3 hadith yang menerangkan jenis penegasan perbuatan, 4 hadith yang menunjukkan penjelasan bentuk kata kerja, dan 2 hadith sebagai penjelasan bilangan. Justeru, kajian ini

¹ Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, A180382@siswa.ukm.edu.my

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, haza@ukm.edu.my

diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pengajar atau pelajar bahasa Arab berkaitan ilmu nahu terutamanya, apabila membahas tentang *maf'ul mutlaq* agar mereka dapat memahaminya dan tidak menghadapi kesukaran.

Kata Kunci: Maf'ul Mutlaq; Ilmu Nahu; Terjemahan; Hadith; Bahasa Arab; *Muntakhab Ahadith*

Abstract

The maf'ul mutlaq is described as a complement used to emphasize and clarify its governing element ('amil) in Arabic grammar. However, many Malay students, in particular, who are learning Arabic, as well as non-native Arab learners, struggle to master and understand the concept of maf'ul mutlaq in the Malay language. Thus, this study aims to analyze the methods of translating maf'ul mutlaq into Malay. In addition to a library research approach, qualitative methods and purposive sampling were employed. The primary source for this study is the book Muntakhab Ahadith, focusing on chapters 1 to 3, while secondary sources include articles, books, and other materials relevant to the research topic. The analysis reveals that the translation of maf'ul mutlaq into Malay often uses the particle "dengan" (with) for types of maf'ul mutlaq that emphasize or clarify the form of the verb. Meanwhile, translations of maf'ul mutlaq used to clarify quantity are based on the use of the verbal noun (masdar marraḥ) following the pattern فَعْلَةٌ (fa'latan). Most of the translations are literal, adhering to the theories of Vinay and Darbelnet (2008), alongside the frameworks of Nida (1964), Roman Jakobson (1966), and Nababan (2007). The findings also discuss three hadiths that explain the emphasis on actions, four hadiths that clarify the form of the verb, and two hadiths that specify quantity. Therefore, this study is expected to benefit Arabic language instructors and students, particularly in the field of grammar, by aiding their understanding of maf'ul mutlaq and reducing the difficulties they encounter.

Keywords: Maf'ul Mutlaq; Syntax; Translation; Hadith; Arabic Language; *Muntakhab Ahadith*

Pengenalan

Menurut Muhammad 'Ajjaj al-Khatib (1989), hadith merupakan sumber rujukan umat Islam yang kedua selepas al-Quran yang menerangkan dengan lebih mendalam tentang hukum-hukum Islam yang tidak diperjelaskan secara terperinci dalam al-Quran. Sebagai contoh, pelaksanaan solat ialah wajib bagi orang Islam sebagaimana disebutkan dalam al-Quran, namun tidak diterangkan bagaimana untuk melakukannya melainkan terdapat penerangannya dalam hadith Rasulullah SAW (Muhiden 1996). Oleh itu, penggunaan hadith sebagai salah satu rujukan ilmu dengan cara yang tepat merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan maf'ul mutlaq yang terkandung dalam ilmu nahu atau khususnya *maf'ulat* dengan merujuk kepada salah satu kitab yang mengandungi hadith-hadith pilihan iaitu kitab *Muntakhab Ahadith* yang ditulis oleh Hadrat Maulana Muhammad Sa'ad Kandhalawi. Namun, kitab yang dirujuk ini merupakan hasil terjemahan daripada bahasa Urdu ke dalam bahasa Melayu yang dilakukan di bawah seliaan Almarhum Tuan Haji Khalid Mustafa. Terjemahan yang dilakukan ini juga adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh Hadrat Maulana Muhammad Sa'ad Kandhalawi dengan mengambil kira terjemahan Urdu yang telah dilakukan oleh beliau sendiri di samping matan Arab (Abdul Hamid & Razif 2012).

Menurut Abdul Hamid dan Razif (2012) juga, terjemahan kitab ini juga bukanlah suatu terjemahan lafzi iaitu perkataan ke perkataan, akan tetapi, terjemahan ini lebih kepada penerangan yang memudahkan pembaca untuk memahaminya. Hal ini dikatakan demikian kerana kitab ini sering digunakan sebagai bahan bacaan harian di rumah-rumah dan masjid-masjid yang pendengarnya terdiri daripada seluruh jenis kumpulan masyarakat sama ada yang terpelajar atau buta huruf, kanak-kanak dan orang tua. Oleh itu, terjemahan ini dilakukan dengan menggunakan bahasa yang paling mudah.

Di samping itu, pengkaji juga ingin menjelaskan secara umum tentang pencirian ilmu nahu iaitu *maf'ulat* di mana ia terbahagi kepada lima jenis maf'ul iaitu maf'ul bih, maf'ul mutlaq, maf'ul ma'ah, maf'ul fih dan maf'ul lah. I'rab bagi kelima-lima maf'ulat ini ialah mansub. I'rab menurut ahli nahu ialah perubahan akhir kalimah kerana perbezaan '*amil* yang memasukinya, baik secara lafaz ataupun secara perkiraan (Anwar 2016).

I'rab terbahagi kepada empat jenis iaitu i'rab rafa', i'rab nasab, i'rab khafad (jarr), dan i'rab jazm. Antara keempat-empat i'rab tersebut, i'rab yang boleh dimasukkan kepada isim hanyalah i'rab rafa', nasab, dan khafad (jarr). Manakala, i'rab jazm tidak boleh dimasukkan ke dalam isim. Begitu juga i'rab pada fi'il di mana hanya i'rab rafa', nasab, dan jazm sahaja yang boleh dimasukkann manakala i'rab khafad (jarr) tidak boleh dimasukkan ke dalam fi'il.


Pengkaji juga perlu memahami bahawa setiap satu maf'ul ini membawa konsep dan tujuannya yang berbeza. Maka, pengkaji perlu mengenal pasti dengan jelas perbezaan perkataan dan makna setiap daripada jenis *maf'ulat* tersebut terutamanya berkaitan maf'ul yang ingin dikaji iaitu maf'ul mutlaq. Ibn 'Aqil (1999) mendefinisikan maf'ul mutlaq sebagai masdar yang dibaca nasab daripada lafaz fi'il. Ia berfungsi untuk menguatkan fi'il, menerangkan jenis atau menjelaskan bilangan maf'ul mutlaq. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui definisi dan jenis Maf'ul Mutlaq dalam bahasa Arab.
2. Menentukan sampel Maf'ul Mutlaq dalam kitab *Muntakhab Ahadith*.
3. Menganalisis kaedah terjemahan Maf'ul Mutlaq dalam kitab *Muntakhab Ahadith*.

Seterusnya, pengkaji dapat menjelaskan bahawa terdapat banyak kajian berkaitan maf'ul mutlaq terutamanya dalam al-Quran. Terdapat juga kajian-kajian terjemahan atau perbandingan maf'ul mutlaq dalam bahasa lain yang berbentuk komparatif dan kontrastif seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa

Kreole Haitian, bahasa Hungary, dan bahasa Sepanyol. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dicari dan dianalisis, pengkaji tidak menjumpai artikel atau bahan yang mengkaji tentang maf'ul mutlaq dalam mana-mana kitab himpunan hadith. Oleh itu, pengkaji ingin menjalankan suatu kajian baharu tentang kaedah terjemahan maf'ul mutlaq dalam kitab *Muntakhab Ahadith* ke dalam bahasa Melayu.

Secara amnya, pemetaan tinjauan kajian terdahulu mengenai maf'ul mutlaq adalah seperti berikut:



Rajah 1 Pemetaan Analisis Kajian Literatur Maf'ul Mutlaq

Metodologi Kajian

Bagi mengumpulkan data dan mendapatkan maklumat yang tepat, pengkaji akan menggunakan beberapa metodologi kajian. Metodologi kajian ialah kaedah yang akan digunakan sama ada untuk mengumpul atau menganalisis data (Ahmad Sunawari 2006).

Jenis Kajian

a. Kajian Kepustakaan.

Pengkaji menjalankan kajian kepustakaan untuk mencari maklumat yang tepat dan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kaedah ini merupakan pendekatan penting bagi pengkaji untuk mengumpul data-data yang diperlukan dengan merujuk kepada artikel-artikel dan bahan-bahan bertulis seperti buku Penterjemahan Hadis dan Istilah Keagamaan.

Kaedah Pengumpulan Data

a. Analisis Kandungan

Pengkaji akan menggunakan analisis kontrastif dan komparatif iaitu kaedah yang digunakan dalam kajian bahasa untuk membandingkan dan membezakan dua atau lebih bahasa bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan.

b. Kaedah Pensampelan

Teknik pensampelan bertujuan digunakan apabila penyelidik memilih sampel yang difikirkan paling tipikal mewakili populasi. Sampel dipilih atas dasar sampel tersebut mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik dan dapat memberi maklumat terbaik bagi kajian. Dalam hal ini, penyelidik menggunakan pertimbangan sendiri untuk menentukan kriteria dan subjek kajian yang dapat menjawab soalan kajiannya. Teknik ini sering digunakan dalam kajian kes yang melibatkan saiz populasi kecil (Fah & Hoon 2014). Oleh itu, pengkaji telah memilih sampel-sampel yang dirasakan bertepatan dengan tajuk kajian yang dijalankan.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah suatu tatacara pengolahan data yang dikumpulkan secara sistematik terhadap konsep pembinaan hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian (Kerlinger 1970). Reka bentuk kajian juga merupakan cara pengkaji mengendalikan kajian melalui prosedur tertentu tanpa bias bagi menjawab persoalan kajian (McMillan & Schumacher 1984). Justeru, kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif ini dilakukan berdasarkan rujukan terhadap perkara-perkara yang berkaitan analisis data yang diperolehi melalui jurnal-jurnal atau buku ilmiah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah alat yang digunakan untuk mengumpul data yang dikehendaki bagi menjawab persoalan penyelidikan yang telah ditetapkan. Maka, instrumentasi yang digunakan dalam kajian ini ialah artikel, buku-buku nahu, dan pelantikan dua orang pakar bidang untuk mengesahkan penentuan sampel. Pakar bidang yang dilantik adalah dari kalangan Guru Bahasa Arab seperti berikut:

1. Ustaz Mohamad Azwan bin Kamarudin
2. Ustazah Faizah binti Jusoh

Kaedah Penganalisan Data

a. Kaedah Terjemahan

Hasil terjemahan yang diperolehi dalam kajian ini akan dibandingkan dengan teori terjemahan yang sesuai seperti yang dibahasakan oleh sarjana terjemahan seperti Vinay dan Darbelnet (2008), Nida (1964), Roman Jakobson (1966), dan Nababan (2007). Namun begitu, kajian ini lebih memfokuskan kepada teori Vinay dan Darbelnet (2008) kerana teori mereka lebih menerangkan tentang terjemahan secara harfiah (padanan perkataan selepas konteks atau perkataan demi perkataan) dalam sesuatu sampel hadith. Korpus kajian ini melibatkan 16 sampel hadith dari bab 1

hingga bab 3 dalam *Muntakhab Ahadith* yang mengandungi maf'ul mutlaq jenis penegasan kata kerja, penjelasan bentuk dan bilangan kata kerja.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan kepada hasil analisis sampel, pengkaji memilih beberapa sampel dari bab 1 hingga bab 3 dalam kitab *Muntakhab Ahadith* untuk dibincangkan. Setiap bab terdiri daripada 3 jenis maf'ul mutlaq iaitu penegasan kata kerja, penjelasan bentuk dan bilangan kata kerja.

Analisis Hadith Bab 1

Analisis Sampel 1: Hadith 146

...وَمِنْهُمْ مَنْ يَكُونُ إِلَى حَقْوَيْهِ، وَمِنْهُمْ مَنْ يُلْجِمُهُ الْعَرَقُ الْجَمًّا... إلخ (رواه مسلم)

Teks Terjemahan:

...dan ada juga yang sampai ke pinggang malah ada yang tenggelam dalam peluhnya sampai ke mulut...etc. (Muslim)

Ulasan:

Lafaz الْجَمَّا merupakan masdar akusatif yang menjadi maf'ul mutlaq jenis penegasan kata kerja. Ia membawa fungsi penegasan kepada kata kerja يُلْجِمُهُ yang diterjemahkan sebagai “sampai ke mulut”. Berdasarkan kepada kaedah terjemahan Roman Jakobson (1966), terjemahan hadith di atas merupakan kaedah terjemahan bebas iaitu penterjemah mengubah, mengadaptasi, membuang dan membetulkan setiap bentuk struktur nahu dalam teks asal. Hal ini dikatakan demikian kerana lafaz الْجَمَّا yang digunakan sebenarnya merujuk kepada satu alatan yang digunakan untuk memandu haiwan tunggangan yang diletakkan di mulut haiwan tersebut (*Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* 1999). Namun, terjemahan yang dilakukan dalam hadith iaitu “sampai ke mulut” menunjukkan terjemahan maknanya dilakukan secara maknawi atau kaedah bebas agar terjemahan teks kelihatan mudah dibaca dan difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Analisis Sampel 2: Hadith 149

...سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ فِي بَعْضِ صَلَاتِهِ: اللَّهُمَّ حَسِّبْنِي حِسَابًا يَسِيرًا... إلخ (رواه أحمد)

Teks Terjemahan:

...“Aku mendengar Nabi SAW membaca doa ini dalam sebahagian solahnya, ‘Ya Allah, permudahkanlah hisabku.’...etc. (Musnad Ahmad)

Ulasan:

Hadith di atas menunjukkan maf'ul mutlaq jenis penjelasan bentuk kata kerja iaitu حِسَابًا يَسِيرًا. Lafaz حِسَابًا merupakan masdar akusatif yang menjadi maf'ul mutlaq. Ia membawa fungsi penjelasan bentuk kata kerja kepada حَسِّبْ yang diterjemahkan sebagai permudahkanlah hisabku. Maf'ul mutlaq jenis penjelasan bentuk kata kerja ini diikuti oleh na'at atau sifat untuk menjelaskan bentuk kata kerja seperti يَسِيرًا dalam

hadith di atas. Namun begitu, pengkaji mendapati terjemahan yang dilakukan adalah secara maknawi kerana ia tidak diterjemahkan mengikut struktur nahu bahasa sumber. Pengkaji merasakan bahawa terjemahan asal yang lebih bersesuaian adalah “hisablah aku dengan hisaban yang mudah”. Menurut Nida (1964), terjemahan jenis ini adalah berbentuk dinamik iaitu sesuatu teks bahasa sumber yang telah dianalisis, makna yang difahami akan dipindahkan ke dalam bahasa sasaran terlebih dahulu melalui proses pengstrukturkan semula nahu mengikut bahasa sasaran.

Analisis Sampel 3: Hadith 170

...مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، فَيُصْبَغُ صَبْغَةً فِي الْجَنَّةِ... إلخ (رواه مسلم)

Teks Terjemahan:

... daripada kalangan ahli syurga maka dia akan dicelupkan seketika ke dalam syurga...etc. (Muslim)

Ulasan:

Terdapat maf'ul mutlaq jenis penjelasan bilangan kata kerja iaitu صَبْغَةً dalam hadith tersebut. Lafaz صَبْغَةً merupakan masdar akusatif berbentuk mufrad yang menjadi maf'ul mutlaq. Ia membawa fungsi penjelasan bilangan kepada يُصْبَغُ yang diterjemahkan sebagai “seketika”. Pengkaji mendapati terjemahan hadith ini tidak menzahirkan perkataan “dengan sekali celupan” sebagai tambahan terjemahan bagi ayat tersebut yang dilihat lebih sesuai untuk menggambarkan maf'ul mutlaq. Oleh yang demikian, pengkaji dapat menjelaskan bahawa terjemahan ini menggunakan kaedah terjemahan bebas yang dibawa oleh Roman Jakobson (1966) kerana kaedah ini digunakan dengan tidak hanya mengambil maklumat dan isi penting daripada bahasa sumber, tetapi turut mengubah struktur nahu dalam teks asal agar terjemahan teks lebih mudah dibaca dan difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Analisis Hadith Bab 2

Analisis Sampel 1: Hadith 176

...بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بَعْثًا فَأَعْظَمُوا الْغَنِيمَةَ... إلخ (رواه أبو يعلى)

Teks Terjemahan:

...Rasulullah SAW telah mengutuskan satu jemaah tentera lalu mereka telah mendapat harta rampasan yang banyak...etc. (Abu Ya'la)

Ulasan:

Berdasarkan kepada kaedah terjemahan Vinay dan Darbelnet (2008), terjemahan hadith di atas merupakan terjemahan harfiyah. Lafaz بَعْثًا merupakan masdar akusatif yang menjadi maf'ul mutlaq jenis penegasan kata kerja dalam hadith di atas. Ia membawa fungsi penegasan kepada kata kerja بَعَثَ yang diterjemahkan sebagai “satu jemaah tentera”. Akan tetapi, pengkaji mendapati bahawa terjemahan yang diberikan adalah kurang tepat kerana بَعْثًا merupakan masdar asli namun, ia diterjemahkan sebagai “satu jemaah tentera”. Justeru, terjemahan tersebut telah menggambarkan maf'ul mutlaq jenis penjelasan bilangan yang sepatutnya menggunakan masdar

marraah iaitu بَغْضَةً (Mu'jam al-'Arabi al-Asasi 1999) tetapi hasil terjemahannya adalah berbeza daripada teks bahasa sumber.

Analisis Sampel 2: Hadith 68

...صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِصَ عَنْهُ رَضًا لَا تَسْخَطُ بَغْضَةً... إلخ (رواه أحمد)

Teks Terjemahan:

...kurniakanlah rahmat kepada Nabi Muhammad SAW dan redalah terhadapnya dengan keredaan yang Engkau tidak akan murka lagi selepasnya...etc. (Musnad Ahmad)

Ulasan:

Berdasarkan kepada kaedah terjemahan Vinay dan Darbelnet (2008), hadith di atas merupakan terjemahan harfiyah. Terdapat maf'ul mutlaq jenis penjelasan bentuk kata kerja dalam hadith tersebut iaitu رَضًا. Lafaz رَضًا merupakan masdar akusatif yang menjadi maf'ul mutlaq. Ia membawa fungsi penjelasan bentuk kata kerja آوَصَ yang diterjemahkan sebagai dengan keredaan. Maf'ul mutlaq jenis penjelasan bilangan kebiasaannya diikuti oleh na'at atau sifat yang menjelaskan bentuk kata kerja seperti ayat لَا تَسْخَطُ بَغْضَةً dalam hadith di atas. Penggunaan pengikat kata “dengan” sebagai tambahan terjemahan bagi ayat tersebut dilihat bersesuaian untuk menggantikan hukum akusatif bagi maf'ul mutlaq dalam bahasa Melayu supaya maf'ul mutlaq tersebut boleh digambarkan dengan lebih jelas.

Analisis Sampel 3: Hadith 221

...تَقُولُ يَا رَبِّ يَا رَبِّ ثَلَاثًا فَمَنْ لَمْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَهِيَ خِدَاجٌ. (رواه أحمد)

Teks Terjemahan:

...Kamu sebutkanlah, “Wahai Tuhan, wahai Tuhan.” sebanyak tiga kali. Sesiapa yang tidak melakukan demikian maka solahnya kurang (dari segi pahala dan ganjaran).” (Musnad Ahmad)

Ulasan:

Berdasarkan hadith di atas, pengkaji mendapati maf'ul mutlaq jenis penjelasan bilangan namun berlakunya pengguguran perkataan dalam bahasa sumber iaitu قَوْلًا yang merupakan masdar akusatif berbentuk mufrad. Ia membawa fungsi penjelasan bilangan kepada kata kerja تَقُولُ. Meskipun perkataan قَوْلًا digugurkan, ia tetap dilihat sebagai maf'ul mutlaq jenis penjelasan bilangan dengan kewujudan perkataan ثَلَاثًا dalam ayat tersebut yang secara tidak langsung menerangkan dengan lebih tepat berapa kali berlakunya kata kerja. Justeru, pengkaji dapat menyatakan bahawa terjemahan ini menggunakan kaedah terjemahan Vinay dan Darbelnet (2008) iaitu terjemahan secara harfiyah kerana bertepatan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Tambahan pula, terjemahan hadith masih lagi difahami oleh pembaca bahasa sasaran walaupun berlakunya pengguguran kata.

Analisis Hadith Bab 3

Analisis Sampel 1: Hadith 264

...الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَافَانِي مِمَّا ابْتَلَاكَ بِهِ، وَفَضَّلَنِي عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقَ تَفْضِيلًا... إلخ (رواه الترمذي)

Teks Terjemahan:

...Segala puji hanya untuk Allah SWT yang telah menyelamatkan daku daripada keadaan yang menimpa engkau dan Dia telah melebihkan daku ke atas kebanyakan ciptaan-Nya...etc. (Tirmidhi)

Ulasan:

Berdasarkan kepada kaedah terjemahan Vinay dan Darbelnet (2008), terjemahan hadith di atas merupakan terjemahan harfiyah. Lafaz تَفْضِيلًا yang menjadi maf'ul mutlaq jenis penegasan kata kerja merupakan masdar akusatif dalam hadith di atas. Ia membawa fungsi penegasan kepada kata kerja فَضَّلَ yang diterjemahkan sebagai melebihi. Namun demikian, pengkaji mendapati bahawa pengikat kata “dengan” tidak digunakan dalam terjemahan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia kelihatan sesuai untuk menggantikan hukum akusatif bagi maf'ul mutlaq dalam bahasa Melayu agar gambaran maf'ul mutlaq kelihatan lebih jelas. Pengkaji beranggapan bahawa terjemahan yang dikatakan lebih bersesuaian adalah seperti “Dia telah melebihi daku ke atas kebanyakan ciptaan-Nya dengan kelebihan yang besar” untuk menunjukkan bahawa sememangnya terdapat penegasan pada kata kerja tersebut.

Analisis Sampel 2: Hadith 53

...فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَدًّا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ... إلخ (رواه الترمذي)

Teks Terjemahan:

...Sesiapa yang dengan sengaja mengaitkan hadith yang palsu kepadaku maka hendaklah dia menyediakan tempatnya di dalam neraka...etc. (Tirmidhi)

Ulasan:

Terdapat maf'ul mutlaq jenis penjelasan bentuk kata kerja dalam hadith di atas namun, berlakunya penguguran perkataan dalam bahasa sumber iaitu كَذَابًا yang merupakan masdar akusatif berbentuk mufrad. Ia membawa fungsi penjelasan bentuk kata kerja كَذَبَ. Walaupun perkataan كَذَابًا digugurkan, ia masih dapat dilihat sebagai maf'ul mutlaq jenis penjelasan bentuk kata kerja dengan kewujudan perkataan مُتَعَدًّا dalam ayat tersebut sebagai na'at atau sifat yang menjelaskan bentuk kata kerja. Pengkaji turut mendapati penggunaan pengikat kata “dengan” sebagai tambahan terjemahan bagi ayat tersebut yang menggambarkan maf'ul mutlaq dengan lebih jelas. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa terjemahan hadith ini mengikut kaedah terjemahan yang dibawa oleh Nida (1964). Hal ini dikatakan demikian kerana terjemahan yang dilakukan adalah secara maknawi dan struktur nahunya berbeza daripada bahasa sumber agar hadith ini lebih mudah difahami oleh pembaca bahasa sasaran.

Analisis Sampel 3: Hadith 82

عَنْ سَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: أَدُّوا حَقَّ الْمَجَالِسِ اذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا.
(رواه الطبراني)


Teks Terjemahan:

Sayyidina Sahal bin Hunaif r.a berkata Nabi SAW bersabda, “Tunaikanlah hak- hak majlis, (antara hak-hak itu ialah) banyakkanlah mengingati Allah SWT.” (Tabarani)


Ulasan:

Berdasarkan hadith di atas, pengkaji mendapati maf'ul mutlaq jenis penjelasan bentuk kata kerja namun, perkataannya telah digugurkan dalam bahasa sumber iaitu ذَكَّرَا. Ia merupakan masdar akusatif berbentuk mufrad yang membawa fungsi penjelasan bentuk kata kerja اذْكُرُوا. Ia masih dapat dilihat dengan jelas sebagai maf'ul mutlaq jenis penjelasan bentuk kata kerja walaupun perkataan ذَكَّرَا digugurkan. Hal ini demikian kerana kewujudan perkataan كَثِيرًا dalam ayat tersebut yang menjadi na'at atau sifat kepada masdar akusatif dalam menjelaskan bentuk kata kerja اذْكُرُوا. Tambahan pula, terjemahan hadith ini juga dilakukan secara transposisi mengikut kaedah Nababan (2007) iaitu pemindahan bentuk tatabahasa daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran kerana terjemahan yang dilakukan adalah daripada kata kerja dalam bahasa sumber kepada kata nama dalam bahasa sasaran.


Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, pengkaji dapat merumuskan pembahagian bagi setiap jenis maf'ul mutlaq dalam setiap bab sebagaimana rajah berikut:



Rajah 2: Pembahagian Jenis Maf'ul Mutlaq Bab 1



Rajah 3: Pembahagian Jenis Maful Mutlaq Bab 2



Rajah 4: Pembahagian Jenis Maful Mutlaq Bab 3

Kesimpulan

Natijahnya, pengkaji dapat merumuskan bahawa terjemahan maf'ul mutlaq ke dalam bahasa Melayu sebagaimana yang terdapat dalam hadith di atas, lebih cenderung menggunakan pengikat kata “dengan” bagi maf'ul mutlaq jenis penegasan dan penjelasan bentuk kata kerja. Manakala, terjemahan maf'ul mutlaq jenis penjelasan bilangan pula adalah berdasarkan penggunaan masdar *marrah* atas wazan فَعْلَةٌ yang menunjukkan bilangan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dilihat lebih sesuai untuk menggantikan hukum akusatif bagi maf'ul mutlaq dalam bahasa Melayu supaya maf'ul mutlaq tersebut boleh digambarkan dengan lebih jelas. Pengkaji juga ingin menyimpulkan bahawa sampel-sampel yang dipilih lebih menjurus kepada kaedah terjemahan harfiyah yang dibawa oleh Vinay dan Darbelnet (2008) meskipun terdapat penggunaan kaedah terjemahan daripada Nida (1964), Roman Jakobson (1966) dan Nababan (2007). Justeru, pengkaji berharap agar kajian ini dapat dijadikan panduan oleh para pelajar dan para penyelidik dalam bidang ilmu bahasa Arab, terjemahan dan tafsir Hadith.

Rujukan

1. *Al-Hadith*
2. Abdul Hamid Chin & Muhammad Razif. 2012. *Muntakhab ahadith*. Kuala Lumpur: Miftahul Ulum Sri Petaling.
3. Ahmad Sunawari Long. 2006. *Pengantar falsafah*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

4. Anwar, Moch. 2016. *Ilmu nahwu terjemahan matan al-jurumiyyah dan 'imrithy berikut penjelasannya*. Bandung: Sinar Baru Algesindo.
5. Fah, L. Y. & Hoon, K, C, 2014. *Pengenalan kepada pendekatan kuantitatif dalam penyelidikan pendidikan*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
6. Ibn 'Aqil, Baha' al-Din 'Abd Allah bin 'Aqil al-Hamdaniy al-Masriy. 1999. *Sharh Ibn 'Aqil*. Dar Turath: Kaherah.
7. James H. McMillan, Sally Schumacher. 1984. *Research in education: a conceptual introduction*. Little, Brown, and Company. The University of Michigan
8. Kerlinger, F.N. 1970. *Foundation of behavioural research*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
9. Mohd Muhiden Abd Rahman. 1996. Al-Hadith: kedudukan dan peranannya dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
10. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib. 1989. *Usul al-Hadith, ulumuhu wa mustalahuhu*. Mesir: Dar al-Fikr.
11. Nababan, D. J. 2007. *Metode, strategi, dan teknik penerjemahan: sebuah tinjauan mendalam*. Makalah dalam Kongres Linguistik Nasional XII. Surakarta.
12. Nida, E. A. 1964. *Toward a science of translation*. Leiden: E. J. Brill.
13. Roman Jakobson. 1966. *On linguistic aspects of translation*. England: Oxford University Press.
14. Vinay, J. P. & Darbelnet, J. 2008. *A methodology for translation*. The Translation Studies Reader. Ed. Lawrence Venuti. London: Routledge.